

Ikut jejak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin perkenal Anugerah Diraja

Um / 19.03.14 / 32 / 1A / PS

ARAU 18 Mac - Politeknik-politeknik di Malaysia disarankan mengikuti jejak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) yang buat pertama kalinya memperkenalkan Anugerah Diraja sempena konvokesyen kali kelapan-nya di sini hari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pengajaran Politeknik, **Datuk Mohlis Jaafar** memberitahu, ini kerana anugerah seumpama itu mempunyai nilai cukup tinggi dalam memberikan penghargaan kepada pelajarnya yang cemerlang dalam pelbagai aspek.

"Saya akan cadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya politeknik di negeri-negeri di bawah naungan raja atau sultan mengambil inisiatif untuk memperkenalkan anugerah seumpama ini (Anugerah Diraja)," kata beliau.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Konvokesyen PTSS Ke-8 yang disempurnakan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di Dewan Harumanis, Pauh Putra di sini hari ini.

Berangkat hadir Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (tengah) dan Tuanku Tengku Fauziah Abdul Rashid (tujuh, kanan) bergambar bersama pelajar orang kurang upaya (OKU) yang menerima diploma selepas Istiadat Konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) kali ke-8 di Dewan Harumanis, Pauh Putra, Arau, semalam.

Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreens Akashah Khalil.

Turut hadir, Menteri Besar, Azlan

Man dan Pengarah PTSS, Md. Noor Baharom.

Bagaimanapun, kata beliau, politeknik-politeknik yang berhasrat melaksanakan cadangan itu perlu terlebih dahulu mendapatkan per-

kenan daripada raja atau sultan di negeri masing-masing.

Sementara itu, **Md. Noor** menjelaskan, Anugerah Diraja yang buat pertama kali diperkenalkan oleh PTSS telah melonjakkan nama po-

liteknik tersebut selain menjadi pencetus semangat kepada pelajar untuk bersaing memburu kecemerlangan.

Menurut beliau, kriteria pemilihan penerima anugerah itu ber-gantung kepada keupayaan 'luar biasa' pelajar yang akan dipilih pada setiap konvokesyen.

"Ia merangkumi pelbagai aspek bukan sahaja akademik, termasuk sama ada kurikulum, sukan, kebudayaan, penyertaan dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan dan sebagainya."

"Hanya seorang akan dipilih menerima pada setiap konvokesyen dan jika tiada yang layak, anugerah ini tidak akan diberikan," tambahnya.

Dalam konvokesyen kali ini, Nabil Harith Mohd. Najib dipilih menerima Anugerah Diraja yang melayakkannya memperoleh wang tunai RM2,000 dan plak sebagai menghargai kecemerlangannya itu.

Mengenai konvokesyen yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini, Md. Noor berkata, PTSS telah berjaya melahirkan se-ramai 1,436 graduan lulusan diploma dalam pelbagai bidang.